



جابتن كواغن دان قربنداھاراءن نكرى ملاك

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara

Kompleks Seri Negeri

Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh

75450 MELAKA

Tel. (ONCC) : 06-333 3333

Faks : 06-231 6489

Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Rujukan kami : PNM(KPS) 125. Jld2 (27)
Tarikh : 19 Januari 2018
: 2 Jamadilawal 1439H

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Negeri Melaka
(Seperti Senarai Edaran)

YB Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL.02 TAHUN 2018
BAYARAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2018 (BAYARAN PERTAMA)
KEPADA PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH) DAN GURU SANDARAN
JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA (JAIM) DAN BAYARAN KHAS
KEWANGAN TAHUN 2018 (BAYARAN KEDUA)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti sedia maklum, Kerajaan Negeri telah bersetuju memberi Bayaran Khas Kewangan (BKK) sebanyak RM2,000.00 dimana bayaran BKK yang pertama sebanyak RM1,000.00 dibuat pada 21 Disember 2017 dan baki sebanyak RM1,000.00 akan dibayar menjelang perayaan kaum masing-masing sebagai penghargaan kepada semua Penjawat Awam Negeri Melaka seperti yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.
3. Untuk makluman, BKK ini juga dipanjangkan kepada 150 orang sidang-sidang Negeri Melaka yang bukan berjawatan pengerusi JKKK dengan bayaran RM1,500.00 sahaja dan dibayar pada 21 Disember 2017 iaitu berjumlah RM1,000.00 dan RM500.00 menjelang Aidilfitri.
4. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2017 – Bayaran Khas Tahun 2017 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2017 – Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 kepada kakitangan – kakitangan bertaraf sambilan – Pekerja Sambilan Harian seramai 85 orang dan juga guru sandaran Jabatan Agama Islam Melaka seramai 210 orang dengan syarat bahawa pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.



m/s 1/4

5. Bayaran Khas Kewangan Tahun 2018 (Bayaran Pertama) kepada PSH dan Guru Sandaran JAIM

- 5.1 Bayaran adalah melalui baucar berasingan. Bayaran boleh dibuat pada bila-bila masa mulai bulan Februari dengan syarat bahawa pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.
- 5.2 Perihal bayaran pada baucar bayaran perlu dicatat – 'BKK 1/2018 – nama pegawai/nombor kad pengenalan'. Contoh: BKK 1/2018 – Ali bin Abu/951201065885

6. Bayaran Khas Kewangan Tahun 2018 (Bayaran Kedua)

- 6.1 Bayaran akan dibayar pada tarikh pembayaran gaji semasa menjelang perayaan utama di Malaysia, iaitu Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas. Sehubungan dengan itu, jadual bayaran dan kaedah pembayaran BKK (Bayaran Kedua) yang akan dilaksanakan oleh Pejabat Bendahari Negeri telah ditetapkan seperti berikut:-

Bil	Nama Perayaan	Tarikh/Hari Bayaran BKK Kedua	Status Pekerja	Kaedah Bayaran	Tarikh dan Masa Kelulusan pegawai pelulus PTJ di SPEKS
1	Tahun Baru Cina	08.02.2018 /Khamis	i) Pekerja Tetap ii) Sementara iii) <i>Contract of Service</i> iv) PSH	Baucar Berasingan	Selewat-lewatnya pada 05.02.2018 jam 10.00 pagi
2	Hari Raya Aidilfitri	07.06.2018 /Khamis	i) Pekerja Tetap ii) Sementara iii) <i>Contract of Service</i> iv) Sidang	Sistem 'Payroll'	Berdasarkan arahan pada laporan yang akan dikeluarkan kepada PTJ
			i) PSH ii) Guru Sandaran Jabatan Agama Islam	Baucar Berasingan	Selewat-lewatnya pada 04.06.2018 jam 10.00 pagi

3	Deepavali	25.10.2018 /Khamis	i) Pekerja Tetap ii) Sementara iii) <i>Contract of Service</i> iv) PSH	Baucar Berasingan	Selewat-lewatnya pada 22.10.2018 jam 10.00 pagi
4	Krismas	24.12.2018 /Isnin	i) Pekerja Tetap ii) Sementara iii) <i>Contract of Service</i> iv) PSH	Baucar Berasingan	Selewat-lewatnya pada 19.12.2018 jam 10.00 pagi

6.2 Penentuan Bayaran

Ketua Jabatan/PTJ bertanggungjawab menentukan kelayakan bayaran menjelang perayaan utama di Malaysia yang akan dibayar kepada pegawai dan tidak berlaku bayaran 2 kali kepada penerima.

6.3 Bayaran melalui sistem "payroll"

Sila rujuk kepada Laporan jabatan masing-masing yang akan dikeluarkan oleh pihak Bendahari Negeri pada bulan Mei 2018. Nama pegawai yang tidak layak menerima bayaran perlu disahkan terlebih dahulu oleh Jabatan/PTJ untuk dikeluarkan daripada sistem 'payroll'.

6.4 Bayaran melalui baucar berasingan

- I) PTJ perlu menyediakan baucar berasingan bagi bayaran kepada pegawai yang terlibat dan juga nama pegawai yang layak tetapi tiada di dalam senarai Laporan seperti di para 6.3.
- II) Baucar berasingan ini perlu diluluskan oleh pegawai pelulus PTJ di sistem SPEKS mengikut tarikh seperti yang telah ditetapkan di para 6.1 surat ini. Baucar berasingan yang lewat diluluskan pada tarikh dan masa yang ditetapkan, menyebabkan bayaran lewat daripada tarikh bayaran yang ditetapkan.
- III) Perihal bayaran pada baucar bayaran perlu dicatat – 'BKK 2/2018 – nama pegawai/nombor kad pengenalan'.
Contoh: BKK 2/2018 – Ali bin Abu/951201065885

7. Semua Ketua Jabatan/PTJ perlu memastikan peruntukan adalah mencukupi sebelum bayaran dibuat. Sekiranya peruntukan tidak mencukupi, tambahan peruntukan perlu dipohon terlebih dahulu kepada Unit Belanjawan, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka. Selain daripada itu, Ketua Jabatan/PTJ perlu memastikan TIADA bayaran dua (2) kali dibuat kepada penerima sebelum bayaran dilakukan.

8. Semua Ketua Jabatan/PTJ adalah diminta untuk mematuhi arahan sepertimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 06 Tahun 2017 dan Bilangan 07 Tahun 2017 bertarikh 13 Disember 2017. Sebarang bayaran yang tidak layak diterima perlulah dikutip balik mengikut arahan yang berkuatkuasa.

9. Arahan operasi ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara tersebut sila hubungi pegawai di Unit Perkhidmatan dan Operasi Gaji di talian 06-2307 285/298/802.

Sekian, terima kasih.

“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, FASA II”

“BERKAT, TEPAT, CEPAT”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(NORIFAH BINTI NORDIN)
Bendahari Negeri,
MELAKA

yatimr/bkk22018